

13 JAN 2001

RAM-KERTAS CETAK

INDUSTRI KERTAS CETAK ASIA DI AMBANG PERTUMBUHAN, KATA RAM

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Industri kertas cetak Asia di ambang pertumbuhan permintaan dalam beberapa tahun akan datang tetapi lonjakan harga akan dihadkan oleh keupayaan tambahan yang akan bermula tidak lama lagi.

Dalam laporan penyelidikannya, "RAMFOCUS", Rating Agency Malaysia Bhd berkata potensi pertumbuhan ini juga nampaknya akan diselubungi risiko dan ketidak tentuan yang dikaitkan dengan sifatnya yang turun naik itu.

Selain itu, margin yang dihasilkan dalam zaman-zaman gemilangnya mungkin tidak berpadanan dengan kerugian besar yang dialami di zaman-zaman meleset serta tingginya kos pelaburan yang terlibat, tegas RAM.

"Faktor-faktor industri ini beserta dengan risiko khusus syarikat, menjelaskan kenapa agensi-agensi penarafan dunia seperti Moody's dan Standard and Poor enggan memberikan penarafan kredit melebihi Baa/BBB," tambahnya.

RAM juga berkata penyiasatan "anti-trust" yang sedang dijalankan ke atas pengeluar-pengeluar kertas cetak di Amerika Utara mungkin mendorong pemecahan pasaran sekiranya Jabatan Keadilan AS mencadangkan syarikat tersebut dibubarkan.

Pembubaran ini, yang bertujuan mengelakkan tata kelakuan penetapan harga dan anti persaingan, berkemungkinan besar menyebabkan harga tidak stabil pada tahap lebih tinggi dan akan mengakibatkan sifat turun naiknya berterusan.

Sementara itu, RAM berkata revolusi dalam industri komoditi kitaran yang lain mungkin melimpah dan mengubah lanskap kertas cetak. Ini melibatkan tindakan memperdagangkan ekonomi bidangan bagi kecekapan teknologi.

"Pertukaran ini dicapai dengan mereka cipta jentera moden yang lebih kecil (dari segi kos) yang boleh menghasilkan kecekapan operasi yang bertahap lebih tinggi. Ini menambah keuntungan untuk mengimbangi kerugian dari segi ekonomi bidangan," jeas RAM.

Untuk mencapai prestasi yang baik dalam industri kertas cetak, kata RAM syarikat-syarikat kecil boleh mencontohi syarikat-syarikat lebih besar dengan mengekalkan tahap lebih rizab tunai yang lebih tinggi bagi melindungi diri sendiri daripada kejutan harga.

Bagaimanapun, pada jangka panjang, asas-asas yang kukuh, iaitu kecekapan pengendalian dan pengeluar kos rendah adalah lebih penting untuk mencapai daya saingan dalam jangka panjang," tambahnya.

RAM juga mengingatkan syarikat-syarikat kertas cetak bahawa dalam membuat keputusan untuk mempertingkatkan keupayaan, keputusan optimal mereka bergantung bukan sahaja kepada persekitaran luaran tetapi juga apa yang mereka jangka akan dilakukan oleh saingan mereka.

Walaupun terdapat cadangan-cadangan supaya syarikat-syarikat membina keupayaan mereka semasa kelembapan ekonomi, namun satu kelemahan strategi tersebut ialah pelabur-pelabur enggan memberi pinjaman dalam tempoh-tempoh begini.

"Dengan demikian, turut penting bagi pelabur memahami dinamik industri kitaran begini untuk mencapai pulangan yang optimal. Pelabur-pelabur yang mahir seharusnya sedar bahawa memberi pinjaman semasa kelembapan ekonomi adalah hampir sama dengan menjadi peniaga 'contrarian'," katanya. --

BERNAMA

MAD MR KY JR

